



YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

KENYATAAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PERALATAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI TASKA PERMATA KELUARGA ELIT CHE KUNDUR SERTA KERJA BERKAITAN YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

(NO. SEBUT HARGA : YPK.TR SH 03/2026)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada Syarikat/Kontraktor Tempatan (Bumiputera) yang berpengalaman dan **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai Gred G1** yang masih sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga dan memiliki Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) / Sijil Pusat Khidmat Kontraktor dalam kategori pengkhususan seperti berikut :

Bil.	Kod Bidang	Jenis Bekalan/Perkhidmatan
1.	CE21	Pembinaan Kejuruteraan Awam
2.	CE22	Trek Padang Permainan Sintetik

(*Keutamaan Kepada Lesen Pendaftaran Bagi Daerah Kuala Terengganu*)

2. Tiada lawatan tapak bagi Sebut Harga ini.
 - 2.1 Penyebut harga **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga atau lawatan tapak. Kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri.
 - 2.2 Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini, Penyebut Harga boleh menghubungi pegawai berkenaan sebagaimana berikut :

Pegawai Untuk : Encik Mohd Saifuddin Bin Mat Kamal /
Dihubungi Encik Ahmad Zaffar Iqbal Bin Mohammed /
Encik Mohd Aslim Bin Ali /
Cik Norfakhira Safwani Binti Saidi
09-6249355 ext.124/136/183

3. Dokumen sebut harga boleh dibeli bermula pada **21 Jun 2026 (Ahad)** hingga **30 Jun 2026 (Selasa)** seperti berikut :

Tempat : **Bahagian Pembangunan & Aset (ground floor)
Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu**

Hari/Masa : **Ahad – Rabu (9.00 pg – 12.00 t/hari)
(2.30 ptg – 3.30 ptg)
Khamis (10.00 pg – 12.00 t/hari)**

Harga Dokumen : **RM30.00**

Tarikh Tutup : **2 Julai 2026 (Khamis)**

4. Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara atas talian kepada **YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU** di no. akaun **13017010017508 (Bank Islam Malaysia Berhad) SAHAJA**. Dimohon pihak Syarikat/Kontraktor untuk mengisi **NAMA SYARIKAT** dan **NO. SEBUT HARGA** pada ruangan **RUJUKAN** atau 'REFERENCE' transaksi bayaran. **Syarikat/Kontraktor tidak dibenarkan untuk membuat apa-apa pembayaran selain daripada cara tersebut di atas SAHAJA**. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada Syarikat/Kontraktor yang sah sahaja bersama bukti pembayaran (**SILA CETAK SLIP PEMBAYARAN**).
5. Pihak Syarikat/Kontraktor juga dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pendaftaran CIDB serta lain-lain Sijil yang berkaitan (**ASAL**) dan **SATU** salinan bagi setiap Sijil (**Tidak Akan Dikembalikan**) diserahkan kepada Pengurusan ini semasa membeli dokumen sebut harga. Jika sekiranya mewakili Syarikat, dokumen pengenalan diri dan surat perwakilan Syarikat hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen sebut harga.
6. Dokumen sebut harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan di **Hadapan Kaunter Pertanyaan (Peti Tawaran A)** sebelum **jam 12.00 tengahari** pada **2 Julai 2026 (Khamis)**. Sebut harga yang lewat **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
7. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di alamat berikut :

**Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu**

8. Pihak YPKT tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

9. Keputusan sebut harga dan Syarikat/Kontraktor yang berjaya akan disiarkan di dalam Portal Rasmi YPKT. Penyebut harga boleh menyemak status sebut harga dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga tiga (3) bulan selepas tarikh tutup sebut harga**. Bagi Syarikat/Kontraktor yang namanya tidak disiarkan di Portal Rasmi YPKT adalah dianggap tidak berjaya.



.....
(AHMAD FARIS BIN ABD. RAZAK)

Pengarah

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

TARIKH IKLAN : 18 JUN 2026 (Khamis)

s.k : Papan Kenyataan Pejabat Pentadbiran YPKT

Papan Kenyataan Pejabat YPK Kawasan Kuala Terengganu

Laman Sesawang YPKT